

**PM lancar Universiti Perdana
Utusan Online
September 08, 2011**

KUALA LUMPUR 7 Sept. – Universiti Perdana di Serdang, Selangor akan memulakan sesi pengajiannya Isnin depan sebaik sahaja 27 pelajar siswazah perubatan mendaftarkan diri pada hari tersebut.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Mejar Jeneral (B) Datuk Dr. R. Mohanadas berkata, universiti yang ditubuhkan oleh Unit Kerjasama Sektor Awam dan Swasta, Jabatan Perdana Menteri hasil usaha sama Akademi Pusat Perubatan Sdn. Bhd. (AMC) itu juga akan dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak pada hari itu.

Menurutnya, Universiti Perdana yang menyasarkan untuk melahirkan pakar perubatan bertaraf dunia itu menawarkan bidang pengajian perubatan menerusi dua buah sekolah perubatan iaitu Sekolah Siswazah Perubatan Universiti Perdana (PUGSOM) dan Sekolah Perubatan Universiti Perdana - Royal College of Surgeons, Ireland (PU-RCSI).

“Pelajar akan mengikuti orientasi sebelum memulakan pengajian. Mereka didedahkan tentang peranan klinikal selain meningkatkan tahap kepimpinan pelajar bagi memenuhi kehendak penjagaan kesihatan pada masa depan.

“Pelbagai kemudahan disediakan di sini, antaranya auditorium, makmal klinikal, bilik perbincangan dan perpustakaan,” katanya di sini, hari ini.

Copyright © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0908&pub=utusan_malaysia&sec=Kampus&pg=ka_01.htm&arc=hive